

Bahagian C : Ringkasan

Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis sebuah ringkasan tentang kebaikan sektor pelancongan terhadap negara. Panjangnya ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

“Malaysia Truly Asia” menjadi slogan kempen penggalakan industri pelancongan di negara ini. Selaras dengan itu juga, pelbagai destinasi pelancongan yang indah lagi menarik diperkenalkan untuk memukau pelancong asing. Kesannya, negara banyak memperoleh faedah melalui industri pelancongan.

Melalui sektor pelancongan, nama Malaysia harum di seluruh pelosok dunia dan menjadi buah mulut warga asing. Tanggapan bahawa Malaysia ialah negara yang terpencil dapat dihapuskan buat selama-lamanya. Dari segi ekonomi, negara kita banyak mendapat keuntungan. Hal ini kerana aktiviti pelancongan meningkatkan peluang pekerjaan dan perniagaan. Fenomena yang sihat ini sekali gus menstabilkan ekonomi negara. Sementara itu, sektor pelancongan turut menjanakan pendapatan negara. Negara kita sememangnya kaya dengan khazanah alam semula jadi yang menjadi aset untuk menarik pelancong.

Baik atas urusan rasmi mahupun hanya untuk berseronok, pelancong yang berkunjung ke Malaysia pasti tidak akan melepaskan peluang untuk membeli-belah buat keluarga mereka. Tanpa disedari, aliran kemasukan wang dari luar negara dapat ditingkatkan. Pada masa yang sama juga, hal ini dapat membantu perkembangan industri kraf tangan seperti batik, anyaman dan tembaga. Kedatangan pelancong asing ke negara kita juga dapat memajukan sektor penginapan, pengangkutan dan infrastruktur. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu merebut peluang untuk memenuhi permintaan tersebut yang semakin meningkat.

Walau bagaimanapun dalam keghairahan kita memajukan sektor pelancongan ini, kita harus berwaspada terhadap impak buruk yang mungkin berlaku. Kelonggaran syarat-syarat untuk memasuki negara bagi menggalakkan kemasukan pelancongan asing mungkin tanpa kita sedari akan memudahkan sindiket-sindiket haram mengembangkan sayap mereka di negara ini. Peningkatan kadar jenayah ini seterusnya akan menjejaskan pembangunan negara.

Konklusinya, usaha-usaha untuk meningkatkan perkembangan sektor pelancongan di Malaysia perlulah dipergiat. Dengan kemajuan sektor ini, kerajaan dapat membangunkan pelbagai bidang untuk kemaslahatan umum. Lantaran itu, kerjasama semua pihak amat diperlukan dalam merealisasikan hasrat ini.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada ‘Kebaikan Pelancongan di Malaysia’, Dewan Siswa, Ogos, 2008)

